

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD EDRIS@TUBAU  
[LIBARAN]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK ZAKARIA BIN MOHD EDRIS@TUBAU [ LIBARAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status ekonomi dan kedudukan kewangan negara Malaysia akibat penularan pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Berdasarkan unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa atau IMF, kemelesetan ekonomi dunia berikutan situasi ketegangan perdagangan dan ketidaktentuan harga komoditi yang diburukkan lagi dengan penularan pandemik COVID-19 merupakan krisis yang paling genting sejak era *the Great Depression* pada tahun 1930an. Lebih 150 negara termasuk Malaysia dijangka merekodkan penguncutan ekonomi pada tahun ini. Sebagai sebuah negara yang terbuka, ekonomi negara turut sama terjejas dengan perkembangan ini. KDNK kita telah mencatatkan penguncutan sebanyak 8.3 peratus bagi tempoh separuh pertama 2020. Ini juga disebabkan oleh langkah pembendungan yang ketat bagi mengawal penularan pandemik COVID-19 sama ada di peringkat global maupun domestik. Langkah dalam negara yang dilaksanakan bertujuan untuk menyelamatkan nyawa dan melindungi kehidupan rakyat, sungguhpun Kerajaan menyedari impak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan tersebut ke atas ekonomi negara.
2. Bagi memastikan kebajikan rakyat terus terjamin dan pada masa yang sama menggerakkan semula ekonomi, Kerajaan telah mengambil langkah segera dan proaktif dengan melaksanakan pelbagai pakej rangsangan ekonomi yang kesemuanya bernilai RM305 bilion. Pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi yang inklusif ini dijangka menyumbang sekitar 4 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK negara. Dengan pelaksanaan pakej-pakej berkenaan dan ditambah dengan pembukaan semula aktiviti ekonomi secara berfasa, ekonomi dijangka pulih secara beransur-ansur terutamanya pada separuh tahun kedua.
3. Pemulihan dalam ekonomi negara dapat dilihat melalui pertumbuhan KDNK bulanan yang bertambah baik. Beberapa petunjuk ekonomi negara memperlihatkan peningkatan melalui indikator bulan Ogos dan September. Alhamdulillah, prestasi ekonomi pada suku ketiga 2020 lebih baik berbanding suku kedua 2020. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) suku tahun ketiga 2020 mencatat penyusutan lebih kecil sebanyak 2.7 peratus berbanding -17.1 peratus

pada suku tahun kedua 2020. Dari sudut suku-ke-suku yang disesuaikan mengikut musim (seasonally-adjusted basis), ekonomi Malaysia telah pulih semula sebanyak 18.2 peratus (S2 2020: -16.5 peratus). Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia bagi tahun 2020 dianggar menguncup sebanyak 4.5 peratus sebelum kembali pulih dan berkembang antara 6.5 peratus hingga 7.5 peratus pada tahun 2021.

**Tuan Yang di-Pertua,**

4. Penularan pandemik COVID-19 dan pengenalan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi dijangka memberi kesan kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Kutipan hasil Kerajaan pada tahun 2020 yang disemak semula dianggarkan berkurang sebanyak RM17.2 billion atau 7% kepada RM227.3 bilion berbanding anggaran asal. Ini adalah selari dengan KDNK yang dijangka menguncup dan jangkaan harga minyak mentah yang rendah sekitar USD40 setong. Jumlah perbelanjaan pula dianggar meningkat kepada RM314.7 bilion susulan pertambahan perbelanjaan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi. Justeru, defisit fiskal pada tahun 2020 telah disemak semula dan dianggar meningkat daripada 3.2% kepada 6.0% berbanding KDNK.

5. Kedudukan kewangan 2021 juga dijangka bertambah baik selaras dengan pertumbuhan ekonomi. Justeru, jumlah hasil Kerajaan dijangka meningkat kepada RM236.9 bilion manakala jumlah perbelanjaan dianggar sebanyak RM322.5 bilion. Sehubungan itu, defisit fiskal diunjur lebih rendah iaitu 5.4% daripada KDNK pada 2021. Kerajaan komited bagi mengurangkan defisit fiskal secara berperingkat tanpa menjelaskan momentum pemulihan ekonomi.

Sekian, terima kasih.